

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4 / 6 / 2008

AS perlukan kerjasama Malaysia atasi isu Myanmar

um - 4/6/2008

Oleh NIZAM YATIM
dan HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 3 Jun
- Pemimpin Amerika Syarikat (AS) perlu meminta kerjasama daripada Malaysia bagi membolehkan usaha menekan junta tentera negara itu supaya beralih kepada pemerintahan demokrasi berhasil.

Presiden Pusat Timur Barat Hawaii, AS, Dr. Charles E. Morrison berkata, langkah itu penting kerana Malaysia lebih memahami situasi sebenar di Myanmar berikutan pemimpin kedua-dua negara saling berhubung ketika mesyuarat ASEAN.

"Pandangan negara-negara ASEAN lain termasuk Malaysia adalah penting bagi memastikan segala tindakan berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog selepas membentangkan kertas kerja bertajuk AS Baru Selepas Pilihan Raya pada Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-22 di sini hari ini.

Menurut beliau, kepimpinan Malaysia juga lebih memahami junta Myanmar kerana kedua-dua negara berkongsi budaya Asia yang hampir sama.

Ini kerana Myanmar menyediakan banyak sumber semulajadi yang diperlukan China termasuk batu permata, balak dan minyak

Sementara itu, wakil Jabatan Dasar Parlimen Eropah, Xavier Nuttin berkata, sikap pemerintah tentera Myanmar yang mengenakan larangan kemasukan bantuan Barat bagi membantu mangsa taufan Nargis hanya akan menjejaskan kewibawaan kepimpinan junta itu.

Menurutnya, tindakan berkeras junta berkenaan akan membuka jalan kepada kelahiran generasi baru tentera yang bersikap lebih liberal untuk mengambil alih pemerintahan negara itu.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk ASEAN dan Myanmar: Langkah Masa Depan pada persidangan itu.

Dalam pada itu, Nuttin berkata, sekatan perdagangan yang dikenakan negara Eropah terhadap

Myanmar sehingga kini tidak menunjukkan sebarang kesan kerana tidak disokong negara-negara ASEAN dan India.

Katanya, China pula dilihat terus menyokong junta apabila menjadi pembekal senjata terbesar dan turut menghantar penasihat tentera ke negara itu.

"Ini kerana Myanmar menyediakan banyak sumber semulajadi yang diperlukan China termasuk batu permata, balak dan minyak," jelasnya.

RAJA Dr. Nazrin Shah diiringi Abdullah Ahmad Badawi ketika menghadiri majlis perasmian Rundingan Meja Bulat Ke-22 Asia Pasifik di Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar Bernama

